



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUBANG PASU

Modul Pace Off SPM 2022

BAHASA MELAYU



DISEDIAKAN OLEH

Academic Support Team (AST)
Sektor Pembelajaran
PPD Kubang Pasu

PRAKATA



Pegawai Pendidikan Daerah, Kubang Pasu.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana izin serta dan kurnia-Nya, penghasilan Modul Pace Off SPM bagi tahun 2022 dapat direalisasikan. Modul Pace Off SPM merupakan hasil daripada kolaboratif yang jitu antara Sektor Pembelajaran PPD Kubang Pasu dengan guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu Daerah Kubang Pasu. Modul mata pelajaran Bahasa Melayu ini haruslah dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh para guru kerana semua latihan yang disediakan adalah selaras dengan format baharu SPM KSSM.

Pengaplikasian modul yang dinamik ini akan menjadikan proses PdPc lebih berkesan dan menarik selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Objektif pembinaan modul ini adalah untuk mendedahkan murid-murid menjawab soalan pelbagai aras dalam Taksonomi Bloom berdasarkan DSKP, menjawab soalan Kbat dengan betul dan semestinya berfokuskan peperiksaan SPM. Oleh itu, penghasilan modul mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan salah satu strategi untuk membantu meningkatkan pencapaian anak didik Daerah Kubang Pasu untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) nanti.

Setulus budi sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua guru yang telah menyumbang buah fikiran dan bahan dalam pembinaan modul ini. Komitmen dan usaha yang gigih guru-guru dalam pembikinan modul ini menggambarkan kesepaduan dan kualiti guru-guru Daerah Kubang Pasu dalam memacu kecemerlangan dan memartabatkan pendidikan seperti yang dihasratkan oleh KPM. Tahniah dan syabas diucapkan.

Diharapkan penghasilan modul ini dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada murid untuk mencipta kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan nanti. Semoga Allah SWT memberkati dan meredai usaha kita yang murni ini.

Tuan Haji Mahadhir bin Ismail
Pegawai Pendidikan Daerah, Kubang Pasu.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu

MODUL PACE OFF SPM 2022

BAHASA MELAYU

PANEL AST:



CIKGU NUR LIYANA BINTI MAT ZAKIR
SMK BANDAR BARU DARULAMAN



CIKGU WAN NORMA BINTI MEGAT OTHMAN
SMK MEGAT DEWA



CIKGU AZLINA BINTI ABU BAKAR
SMA HIDAYAH ISLAMIAH



CIKGU ATIKAH BINTI ABDULLAH
SMK TUNKU BENDAHARA



CIKGU MUHAMMAD AZUWAR BIN AZMI
SMK AGAMA JERLUN



CIKGU ARIFFIN BIN SALLEH
SBPI KUBANG PASU



CIKGU NOOR ZIEAH BINTI DZULKIFLI
SMK PERMATANG BONGLAI



CIKGU ROSLINA BINTI ISMAIL
SMK BANDAR BARU SINTOK



CIKGU SYAKIF BIN ABDULLAH
SMK SANGLANG



CIKGU NURUL FAZLIYANA BINTI AHMAD ZAHID
SMK PULAU NYIOR

NOTA DAN PANDUAN

PENANDA WACANA

Penanda wacana ialah perkataan ataupun rangkai kata yang berfungsi untuk merangkaikan ayat bagi memperjelas atau melanjutkan sesuatu maklumat. Penggunaan penanda wacana dalam konteks ayat yang sesuai akan menghasilkan gaya penulisan yang menarik.

Kegagalan dalam penggunaan penanda wacana yang tepat akan menyebabkan seluruh wacana tidak mempunyai kesatuan ayat yang sempurna.

JENIS	CONTOH PENANDA WACANA
Turutan	<i>Akhirnya, / Keduanya, / Selaras dengan itu, / Kemudiannya, / Selain..., / Seterusnya, / Pertama sekali, / Lebih penting lagi,</i>
Penambahan	<i>Sekali lagi, / Dalam hal ini juga, / Tambahan pula, / Seterusnya,</i>
Kata Hubung	<i>dan / lalu / jika / agar / serta / tetapi / supaya / biarpun / sungguhpun / walaupun</i>
Perbandingan & Pertentangan	<i>tetapi / walaupun / sebaliknya, / seperti halnya dengan / berbeza dengan</i>
Contoh	<i>Umpamanya, / Sebagai contoh, / Hal yang dimaksudkan ialah ... Sebagaimana, / Biar kita ambil contoh, / Misalnya,</i>
Masa	<i>Sesekali, / Akhirnya, / Selepas itu, / Sebelum itu, Pada masa yang sama, / Pada mulanya, / Semenjak itu, / Belakangan ini, / Pada ketika itu,</i>
Kesimpulan	<i>Jadi, / Oleh itu, / Ringkasnya, / Pendek kata, / Demikianlah, / Rumusannya, / Kesudahannya / Kesimpulannya, / Jelaslah bahawa, / Pada keseluruhannya, / Sebagai penggulungan,</i>
Umum	<i>Justeru, / Lazimnya, / Dengan ini, / Sering kali, / Pada amnya, / Kebiasaannya, / Banyak yang berpendapat bahawa ...</i>
Memberi Contoh	<i>Tamsilnya, ... Sebagai contohnya, ... Biar kita ambil contoh, ... Bagi membuktikan perkara ini, contoh yang boleh diketengahkan ialah ... Contoh yang ketara yang paling dekat dengan kita ialah ...</i>
Memberi Statistik	<i>Berdasarkan perangkaan terkini yang diperoleh, didapati sebanyak ... Bukti yang jelas dan terkini yang berkaitan dengan perkara ini menunjukkan bahawa ... Statistik yang sahih lagi tepat telah dikeluarkan oleh Kementerian pada tahun ... yang menunjukkan bahawa sebanyak ...</i>

PENANDA WACANA UNTUK MEMULAKAN AYAT PENDAHULUAN KARANGAN

Sedasawarsa ini, / Belakangan ini, / Dasawarsa ini, / Marcapada,

PENANDA WACANA UNTUK AYAT TERAKHIR PENDAHULUAN KARANGAN

...Oleh itu, kebaikan dan keburukan yang mewarnai fokus perbincangan akan dihuraikan dengan terperinci demi kebaikan bersama.

...Sebagai memperkukuh pernyataan tersebut lagi, punca-punca yang menunjangi masalah ini perlu diperinci demi kebaikan bersama.

...Usaha pasti akan membuahkan hasil kalau pelbagai langkah yang efektif dan drastik dilakukan segera untuk mengatasi masalah yang sudah bersarang lama di negara kita ini.

PENANDA WACANA UNTUK AYAT KEDUA DAN SETERUSNYA

Bagi sesetengah orang, ... / Dalam konteks ini ... / Dalam era yang serba canggih ini ...

Daripada realiti ini, dapat kita katakan bahawa ... / Hal ini disebabkan oleh ...

Oleh itu, bolehlah dikatakan ... / Walaupun demikian, sejak akhir-akhir ini ...

PENANDA WACANA UNTUK AYAT PERTAMA SETIAP PERENGGAN

Pada hemat saya, ... / Pada pandangan saya, ... / Lazimnya, dalam keadaan, ...

Sebagaimana yang kita ketahui, ... / Malahan, pada masa ini juga ...

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa ...

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas, ternyata bahawa ...

PENANDA WACANA BAGI KESIMPULAN & PENUTUP

Kesimpulannya,... / Secara holistik... / Sebagai intiha, ... / Tuntasnya, ... Intihanya, ... / Konklusinya, ...

CONTOH PENANDA WACANA YANG LAIN	
Perenggan Baharu	<i>Sementara itu, ... / Dalam pada itu, ... Lebih-lebih lagi, ... / Tambahan pula, ... / Seterusnya, ... /</i>
Penyambung Kata (Huraian Isi)	<i>Hal ini wujud akibat ... / Hal ini terjadi kerana ... / Hal ini berlaku kerana ... / Hal ini demikian kerana ... / Hal ini disebabkan oleh ... / Hal ini bersangkutan paut dengan ...</i>
Kesimpulan dalam Satu Ayat	<i>Justeru, ... / Hakikatnya, ... / Impaknya dapat kita lihat ... / Natijahnya jelas membuktikan bahawa ... / Implikasi daripada yang dinyatakan, jelaslah menunjukkan bahawa ...</i>
Menyertakan Peribahasa	<i>..... bak kata peribahasa, ... / bak kata peribahasa Melayu, ... / bak kata cendekiawan, ... / persis kata peribahasa, ... / persis kata peribahasa Melayu, ... / persis kata orang tua-tua, ... / persis kata mutiara, ... / Hal ini sama dengan peribahasa ... / Senario ini persis peribahasa Melayu, yakni ... / Fenomena ini dikatakan umpama ...</i>

FRASA MENARIK YANG GRAMATIS

- Memanifestasikan fikiran - Menggunakan idea dengan sebaik-baiknya
- Menukulkan kata-kata - Menulis / bercakap sesuatu
- Memberikan impak - Mengakibatkan / menyebabkan
- Rentetan senario itu - Selepas fenomena itu
- Jika ditelusuri - Jika dikaji secara mendalam
- Penyalur ilmu - Pemberi banyak pengetahuan
- Alaf baharu - Masa terkini
- Mutakhir ini - Pada masa kini
- Seantero dunia - Seluruh dunia
- Menikam sanubari - Merosakkan perasaan
- Meluaskan horizon pemikiran - Meluaskan pandangan / pemikiran
- Menggabungkan elemen - Menggunakan pelbagai aspek
- Merangsang ekonomi - Mengaktifkan proses jual beli
- Lebih intelektual dan berketerampilan - Lebih bijak dan berkebolehan
- Masih bermain dengan fantasi - Berkhayal / bermenung / tidak berfikiran matang
- Mendabik dada - Kesombongan akibat kejayaan / keangkuhan
- Mengkodifikasikan undang-undang - Menyelaras undang-undang / peraturan
- Kestabilan spiritual dan fizikal - Keseimbangan rohani dan jasmani
- Mekanisme kawalan - Alat / aspek yang mengawal sesuatu
- Pandangan sarwa - Pemikiran biasa / umum
- Anjakan paradigma - Perubahan demi kemajuan atau kebaikan

- Relevan dengan kehendak zaman - Diterima dengan perubahan dari semasa ke semasa
- Landasan berfikir - Cara berfikir
- Masyarakat konvensional - Masyarakat umum / biasa
- Mengaibkan diri - Memalukan diri
- Alma mater - Sekolah / universiti / tempat pelajar
- Kemapanan fikiran - Keteguhan cara berfikir
- Alpukah - Daya usaha / inisiatif
- Badai kehidupan - Cabaran hidup
- Berkongkalikung - Bersepakat
- Bukti yang konklusif - Bukti yang kukuh
- Prakarsa - Inisiatif / daya usaha
- Rutin harian - Kerja yang biasa dilakukan dan sehari-hari
- Nawaitu diri - Keinginan diri
- Portfolio menteri - Tugas menteri
- Pentas siasah - Dunia politik
- Polemik - Bahas / debat / konflik
- interpretasi - Tafsiran / penjelasan
- bersilengah - Bersikap tidak tahu
- meningkatkan martabat bangsa
- menyemarakkan perpaduan komuniti
- melawan serangan gejala sosial
- menitikberatkan perkembangan lahiriah dan rohaniah
- memanfaatkan sumber ilmu
- melikwidasikan sentimen antikerajaan
- menyalahertikan kebebasan bersuara
- menabur benih keinsafan
- mengikis prinsip kehidupan masyarakat
- menagih kasih sayang daripada ibu bapa
- mendepani realiti baru dunia yang pantas berubah dan berkembang
- mendukung kebenaran yang kita sepakati
- mengamalkan sikap dan perwatakan yang murni
- mengambil langkah sederhana
- menghirup udara hasil kemerdekaan
- mengikut acuan sendiri
- mengundang kontroversi
- menjadi cerucuk utama pembangunan
- menjulang negara ke puncak jagat
- menuntut setiap anak watan mengotakan aspirasi
- menyambut gamitan menara impian
- menyebabkan imej negara tercalar
- menyediakan kursus dan latihan yang relevan
- menyembunyikan masalah utama masyarakat
- mereka lebih cenderung kepada keseronokan dan berpeleleran
- mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan berpengetahuan
- milenium baru ini pasti sahaja sarat dengan muatan cabaran reformasi
- muafakat merupakan inti kepada perpaduan
- negara kita akan bersih daripada unsur sosial yang tidak sihat
- nilai keinsanan yang syumul
- nilai-nilai material semakin memberkas dan meluas dalam masyarakat
- pandangan pro dan kontra yang dipaparkan

- pelbagai cabaran yang bakal menghambat
- pelbagai masalah sosial sedang menghinggapi masyarakat
- pembentukan masyarakat sakinah
- pembudayaan ilmu perlu dipupuk dan dibajai oleh generasi muda masa kini
- pendedahan oleh pihak media massa menghangatkan senario ini
- perlu dibaja kembali
- perubahan yang diharap masih belum menjelma
- petanda kehancuran generasi
- pewujudan masyarakat madani-propaganda negatif terhadap negara kita dapat ditepis
- kita perlu mengorak langkah
- kita tidak wajar hanya akur dengan arus yang songsang ini
- komitmen menyeluruh agensi yang terlibat
- kongkongan yang selama ini dianggap membelenggu
- masalahnya, kita mahu memberi pendapat tetapi tidak rela dikritik
- makmur dari segi ekonomi tetapi mufli nilai kekeluargaan
- mampu mengadakan satu kombinasi usaha yang cukup padu
- manifestasi kesanggupan bangsa
- manusia bukanlah `haiwan robotik' yang tidak mempunyai rasa dan jiwa
- masa depan menjanjikan cabaran di luar jangkaan
- masalah putusanya komunikasi dan jurang generasi
- masalah sosial dan susila yang meruncing
- masih terbelenggu dengan cara berfikir yang sempit
- masyarakat yang naif dengan mata kebendaan yang melalaikan
- melangkah dengan seribu kekuatan
- melontarkan soalan yang cukup penting
- melupakan cita-cita yang lebih luhur
- membangunkan generasi yang berketerampilan, bersahsiah mulia dan berilmu
- membebaskan mereka daripada belenggu kejahilan dan kegelapan
- membenam budaya hedonistik yang tidak berfaedah
- membetulkan ketidaktepatan fakta
- membimbing mereka memenuhi impian
- membina impian masa depan yang lebih gemilang
- membongkar kepincangan
- membuktikan sensitiviti, kepekaan dan keprihatinan mereka
- mempengaruhi minda generasi muda
- mempertahankan perasaan saling bersefahaman
- mempertingkatkan dan memperteguh kefahaman
- mempraktikkan elemen tolak ansur
- memudaratkan kesejahteraan rakyat
- menabur bakti kepada mereka yang kurang beruntung
- menaburkan nilai kebendaan yang tidak bertahan lama
- menagih komitmen dan pengertian serius semua pihak
- menampilkan wajah baru yang disulami tekad
- menangkis tuduhan yang tidak berasas
- mencapai tahap yang mencemaskan
- mencerminkan dengan jelas akan hakikat ini
- mencerminkan generasi yang mufli dan tercabut daripada akar tradisinya
- mendapat perhatian dan liputan media massa
- mendepani masa depan yang tidak menentu

KATA-KATA MUTIARA DALAM KARANGAN

Penggunaan kata-kata mutiara sememangnya dapat memberi satu nafas baharu kepada karangan pelajar sekali gus memberi "impression" yang positif kepada pemeriksa kertas. Perhatikanlah beberapa contoh kata mutiara di bawah ini sebagai pedoman.

Tun Dr. Mahathir Mohamad

"Ilmu pengetahuan tanpa nilai-nilai yang mulia belum tentu dapat melahirkan masyarakat yang baik dan berjaya. Nilai-nilai yang mulia tanpa ilmu pengetahuan juga tidak akan melahirkan masyarakat yang berjaya"

Tun Dr. Mahathir Mohamad

"...membentuk sebuah negara yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompoknya. Menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah Bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut."

Keris Mas

"Kesalahan aturan bahasa sehingga mengikut aturan bahasa Inggeris bukanlah stail yang menunjukkan ketegasan fikiran, melainkan betapa tidak teraturnya fikiran itu dinyatakan atau betapa keinggerisannya kita berfikir".

William A.Ward

"Guru yang sederhana memberitahu. Guru yang baik menjelaskan. Guru yang hebat menunjukkan cara. Guru yang agung menjadi inspirasi."

Karl Menninger

"Siapakah guru itu adalah lebih penting daripada apa-apa yang diajarkannya."

Tun Abdul Razak

"Kita juga telah berjaya memberikan satu keperibadian yang sama kepada negara dengan menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negara ini dan usaha-usaha masih lagi dicari bagi menjadikan bahasa itu sebagai bahasa kebangsaan dengan erti kata yang sebenarnya."

Abdullah Ibnu Abbas

"Ilmu itu didapati dengan lidah yang gemar bertanya dan akal yang suka berfikir"

Munshi Abdullah

"Jika orang Melayu hendak menjadi bangsa yang besar, orang Melayu mesti mempelajari dan memelihara secermat-cermatnya bahasa Melayu, di samping menerima serta menambah pengetahuan baharu."

SN S. Othman Kelantan

"Peradaban dan tamadun sesuatu bangsa dibina dengan bahasanya sendiri, baik dalam bentuk prosa ataupun dalam bentuk kreatif kerana bahasa menjadi jiwa sesuatu bangsa. Keindahan estetika sebagai emosi kepada jiwa itu ialah karya kreatif".

Arena Wati

Kita boleh ramah, tapi pantang berkasar. Kita boleh marah, tapi ketawalah, dan jangan kehilangan senyum. Kita pasrah miskin, tapi jauhkan diri dari keinginan mengemis. Orang yang kehilangan wang, cuma rugi benda. Tetapi orang yang kehilangan amanah dia rugi harga diri.

Noordin Hassan

Pasang telinga baik-baik. Jangan dengar saja apa orang kata, fikirkan mengapa orang kata begitu. Kalau orang ketawa, dengar betul-betul jenis ketawanya. Ketawa berisikah atau ketawa jenis apa.

Arena Wati

Menegur dengan bahasa sukma dan bertanya dengan bahasa hati nurani.

Muhammad Salleh

Tiada akan besar bangsa yang tiada kasihkan bahasanya, tiada kebenaran pada manusia yang tidak dapat melihat kenyataan.

Muhammad Salleh

Tiada akan besar bangsa yang tiada kasihkan bahasanya.

Abdullah Hussain

Kemerdekaan yang sudah dicapai itu seperti sebuah gelas kosong lalu tiap-tiap golongan itu mahu mengisi gelas itu dengan minuman yang disukainya.

Keris Mas

Kemerdekaan hanya suatu jembatan. Yang kita tuju di seberang jembatan itu ialah kehidupan kebangsaan yang mulia, makmur dan aman damai.

Muhammad Salleh

Derita yang dijeritkan tanpa suara ialah bahasa ternyaring bangsa kita.

Muhammad Salleh

Bangsa itu diperibadikan bahasanya.

UNGKAPAN MENARIK

1. **Darsawarsa ini, Marcapada ini, Mutakhir ini** - dewasa ini
2. **Mayapada, manjapada** - dunia
3. **Arus globalisasi** - zaman global
4. **Arus modenisasi/arus permodenan, dunia tanpa sempadan** - zaman moden
5. **Kontemporari** - masa ini
6. **Tuntasnya, sebagai intiha, konklusinya, akhir kalam/kata, deduksinya** - kesimpulannya
7. **Ironinya, impak** - kesannya
8. **Kekangan, kemelut, halangan** - masalah
9. **Rentetan itu, lantaran itu** - sehubungan itu
10. **Dirangkaikan** - dihubungkan
11. **Menjurus** - menyebabkan
12. **Menyoroti** - membicarakan
13. **Kendatipun begitu** - walaupun begitu
14. **Sementelahan pula, lebih-lebih lagi** - tambahan pula
15. **Memanifestasikan, memperlihatkan, melahirkan** - menunjukkan
16. **Ghalibnya, lazimnya** - biasanya
17. **Tamsilan, uswah, teladan** - contoh
18. **Maslahat** - faedah
19. **Rencaman, heterogen, variasi** - pelbagai
20. **Belajar dari pengalaman** - heuristik
21. **Holistik** - bersepadu
22. **Disemarakkan** - digiatkan
23. **Dijana** - dijalankan
24. **Didorong, dimangkinkan** - dipengaruhi
25. **Memperkasa** - meningkatkan
26. **Diuar-uarkan, dihebahkan** - diberitahu
27. **Sinergi, kolaborasi, komitmen** - kerjasama
28. **Toleransi** - tolak ansur
29. **Obses, taksub** - terikut-ikut
30. **Wadah, wahana** - alat
31. **Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan** - memorabilia
32. **Glokal, lokal** - tempatan
33. **Kebejatan moral** - keruntuhan moral
34. **Ukhwah, rohani** - dalaman
35. **Ukhuwah, pertalian** - hubungan

36. **Nescaya, pasti, yakin** - sudah tentu
37. **Enteng** - ambil mudah
38. **Menerjah, mengejutkan** - mengganggu
39. **Diimplimentasikan, diterapkan** - digunakan
40. **Nirmala, dinihari** - pagi yang hening
41. **Izhar** - jelas
42. **Delinkuen** - tidak ikut peraturan
43. **Komentari** - rencana
44. **Polemik** - sering dibincangkan
45. **Secara analogi, berperingkat-peringkat** - berturutan
46. **Penuh iltizam** - penuh semangat
47. **Inovasi, pembaharuan** - kemajuan
48. **Mungkin yang efektif, indikasi/indikator** - faktor penyebab
49. **Pragmatis** - praktikal
50. **Mengorak** - memulakan
51. **Seantero** - seluruh
52. **Perencah** - faktor
53. **Keakraban** - erat dan rapat
54. **Belunggu** - kongkongan
55. **Berkaliber, berwibawa, berkarisma berkebolehan** - hebat
56. **Mercu** - menempa
57. **Dominan** - utama
58. **Rohaniah, insani** - nilai kemanusiaan
59. **Metropolitan** - bandar raya
60. **Khusyuk** - sepenuh tumpuan
61. **Nafsi, egoistik** - pentingkan diri
62. **Tidak bertanggungjawab** - evasif
63. **Pentingkan keseronokkan** - hedonisme
64. **Signifikan** - bermakna/penting
65. **Ruwet** - kalut/kusut/sulit
66. **Ideal, utopia** - terlalu sempurna
67. **Sesuatu yang menjadi contoh/diteladani** - entiti mithali
68. **Pengetahuan tentang pengertian yang dianggap ilmu yang tinggi** - filsafat, falsafah
69. **Tarbiah** - pendidikan
70. **Anjakan paradigma** - perubahan yang baik
71. **Sifat mengutamakan orang lain/tidak pentingkan diri** - altruisme
72. **Takuk lama** - tahap lama
73. **Tersohor** - terkenal
74. **Gusur, heret** - tarik
75. **Sofistikated** - bersifat kompleks
76. **Pidana** - kejahatan
77. **Aspirasi, cita-cita** - idola
78. **Pengetahuan yang cetak** - dangkal
79. **Swadaya** - kekuatan sendiri
80. **Peraturan yang longgar** - luwes
81. **Pasrah, reda** - berserah
82. **Alpa** - lupa/cuai/leka
83. **Berhempas pulas** - bekerja keras
84. **Mampu mengekalkan prestasi yang baik** - mampan
85. **Mapan** - mantap
86. **Terhunos** - telah sedia tercabut
87. **Prestij, reputasi** - tahap
88. **Petualang** - penghalang
89. **Menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan** - efisien

90. **Meledakkan, mencetuskan** - membangkitkan
91. **Mantan** - bekas
92. **Pembangunan manusia** - modal insan
93. **Darah setampuk pinang** - tiada pengalaman
94. **Serampang dua mata** - 1 dasar 2 objektif
95. **Alasan yang menjadikan sesuatu itu wajar dilakukan** - justifikasi
96. **Khazanah** - harta/aset
97. **Mengundang, menggamit** - membawa kepada
98. **Kemudahan** - prasarana
99. **Kondusif** - selesa
100. **Gramatis, puitis** - indah
101. **Tentatif** - atur cara
102. **Kompetitif, Konkuren/konkurensi** - bersaing
103. **Tidak boleh dipertikaikan lagi** - konklusif
104. **Prakarsa, inisiatif, daya usaha** - ikhtiar
105. **Atawa** - atau
106. **Tidak mengakui kewujudan tuhan** - ateisme
107. **Darma** - kewajiban
108. **Kesetiaan kepada negara secara melampau** - chauvinisme
109. **Ambil berat, ambil peduli** - cakna
110. **Melestarikan** - mengekalkan
111. **Produktif** - berupaya

**PERKATAAN YANG DIKIRA SEBAGAI 1 PATAH PERKATAAN DALAM
KARANGAN DAN RUMUSAN**

- 1. Puisi**
- 2. Alamat**
- 3. Tarikh**
- 4. Nama khas**
- 5. Peribahasa**
- 6. Maksud hadis, ayat Al-Quran, kata-kata tokoh**
- 7. Penanda wacana**
- 8. Tajuk**
- 9. Kata sendi 'di' dan 'ke'**
- 10. Angka**


PANDUAN MENJAWAB KARANGAN BAHAGIAN A

- 1. Calon perlu menjawab berdasarkan maklumat-maklumat yang diberikan dalam soalan. (gambar rajah, grafik, statistik, poster, petikan akhbar dan lain-lain)**
- 2. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.**
- 3. Jika calon tidak menyentuh semua bahan, maksimum markah kepujian.**
- 4. Calon mesti akur dengan jumlah patah perkataan yang ditetapkan dalam soalan.**
- 5. Jika calon menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga akhir ayat itu, maksimum markah kepujian.**
- 6. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan, maksimum markah memuaskan.**

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30	<p>Tema/Tugasan - Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</p> <p>Idea - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. - Huraian jelas dan matang.</p> <p>Bahasa - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</p> <p>Pengolahan - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai.</p>
Kepujian	20-25	<p>Tema/Tugasan - Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</p> <p>Idea - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. - Huraian jelas.</p> <p>Bahasa - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</p> <p>Pengolahan - Pengolahan menarik. - Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai.</p>
Memuaskan	15-19	<p>Tema/Tugasan - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</p> <p>Idea - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. - Huraian masih jelas.</p>

		<p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/terhad. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan masih menarik. - Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	10-14	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan /tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan /tugasan. - Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad. - Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1-9	<ul style="list-style-type: none"> - Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugasan. - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.
<p>Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p>		



KARANGAN
BAJELAGUAN A

Bahagian A


[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan penyakit kanser.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah mengurangkan risiko penyakit kanser.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



HARI KANSER SEDUNIA 4 FEBRUARI 2022

Setiap orang sewajarnya mempunyai pengetahuan tentang penyakit kanser. Pengetahuan ini berguna untuk mengurangkan penyakit kanser kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana penyakit ini boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina dan bangsa.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau World Health Organization (WHO):

1. Kanser merupakan penyebab kematian kedua tertinggi di dunia.
2. Satu daripada enam kematian yang berlaku disebabkan oleh kanser.
3. 30% - 50% kanser dapat dicegah dengan amalan gaya hidup sihat.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia



AMALKAN GAYA HIDUP SIHAT

Bahagian A
[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Maklumat di bawah berkaitan dengan pelancongan.


Huraikan pendapat anda tentang **industri pelancongan di negara ini.**

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) menjangkakan pembukaan semula sempadan dan peralihan ke fasa endemik bermula 1 April ini akan membolehkan industri pelancongan pulih lebih awal, iaitu menjelang penghujung 2023 atau awal 2024. Industri pelancongan adalah antara sektor ekonomi yang terjejas akibat penularan Covid-19 ini.

Sumber : Berita Harian Online , 17 Mac 2022

Apakah yang menarik anda untuk melancong di Malaysia?



- 13%(89 undian) Pengangkutan yang mudah
- 35%(239 undian) Bajet yang murah
- 17%(112 undian) Pengalaman pelbagai budaya
- 35%(233 undian) Lokasi yang cantik dan menarik

RM200 JUTA PELAN PEMULIHAN PELANCONGAN TERMASUK DALAM BELANJAWAN 2021

"Kerajaan amat serius dalam usahanya membantu pemain industri pelancongan negara yang terjejas teruk akibat COVID-19, untuk kelangsungan industri berkenaan.

Ini terbukti melalui peruntukan untuk Pelan Pemulihan Pelancongan berjumlah RM200 juta dalam Belanjawan 2021, bagi membantu pemain industri pelancongan di negara ini"

DATUK SERI NANCY SHUKRI
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

SUMBER : BERNAMA

Bahagian A
[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Maklumat di bawah berkaitan dengan pelancongan.

*Huraikan pendapat anda tentang **pelancongan di Malaysia.***

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Kalau melancong dalam negeri,
Ekonomi meningkat tidak terperi.

Kalau melancong bersama keluarga,
Silaturahmi akan sentiasa terjaga.

Kalau melancong bersama kawan,
Gunung yang tinggi dapat ditawan.

Kalau melancong sambil belajar,
Banyak ilmu dapat dikejar.

Sumber : Buku Teks Tingkatan 4




Bahagian A
[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Bahan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan pelancongan.

Huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor yang menarik kedatangan pelancong ke Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Sumber : Internet



RUMUSAN

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 – Petikan

Alat peranti seperti telefon bimbit atau telefon pintar, komputer riba, tablet dan sebagainya mempunyai jangka hayat masing-masing di samping bergantung kepada cara pengendalian dan penyelenggaraan oleh penggunaanya. Terdapat golongan yang gemar menyimpan alat peranti yang tidak lagi digunakan tidak kiralah sama ada masih dalam keadaan baik atau tidak, dan tidak kurang juga yang membuangnya secara terus ke dalam tong sampah. Persoalannya, adakah tindakan menyimpan atau membuang alat peranti ini boleh memberikan apa-apa kesan terhadap alam sekitar?

Menurut Felo Kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Ahmad Fariz Mohamed, alat peranti yang tidak digunakan dan tidak rosak, jika disimpan dengan baik secara umumnya tidak memberi kesan kepada kesihatan manusia mahupun alam sekitar. Namun berbeza bagi alat peranti yang dibiarkan dalam keadaan terdedah kepada cuaca panas, hujan atau persekitaran yang lembap akan menggalakkan penghasilan bahan toksik.

Begitu juga jika peranti tersebut dibuang ke dalam tong sampah atau di mana-mana kawasan bukan tapak pelupusan khas, bahan toksik yang ada pada alat peranti akan melalui proses degradasi dan akan masuk ke dalam ekosistem melalui tanah atau air bawah tanah. Bahan toksik yang berada dalam ekosistem berisiko untuk masuk ke dalam sistem pengairan seterusnya mencemarkan air sungai. Sekiranya meresap ke dalam tanah, bahan toksik akan memberi kesan kepada hasil pertanian.

Merujuk situasi tersebut, Ahmad Fariz berkata kaedah kitar semula antara cara terbaik untuk mengurus sisa elektronik termasuk alat peranti. Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr. Mohd Yusoff Ishak berkata menerusi kempen mobilewaste.mcmc.gov.my yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama pelbagai syarikat telekomunikasi dapat mendidik masyarakat menguruskan telefon yang tidak lagi digunakan dengan cara yang lebih sistematik. Beliau menyarankan agar masyarakat mengamalkan konsep 'kekayaan daripada sisa'. Oleh itu, sisa bahan terbuang dijadikan sebagai input kepada sumber lain yang mempunyai nilai komersial untuk diketengahkan dalam kalangan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Kitar Semula Sisa Elektronik Elak Jejas Alam Sekitar”
oleh Balkish Awang
Bernama.com, 22 April 2021.

Bahan 2 – Grafik

Langkah-langkah untuk Mengurus Sisa Elektronik

- 1** Penguatkuasaan undang-undang haruslah telus kepada mana-mana pihak yang melupuskan sisa elektronik secara haram di negara ini di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
- 2** Masyarakat perlu menggunakan produk sedia ada dan membaiki barang yang rosak. Langkah ini mampu mengurangkan penghasilan bahan sisa elektronik.
- 3** Kempen yang berterusan dapat memberikan kesedaran bahawa alam sekitar penting bagi manusia mencapai kehidupan yang sejahtera. Pihak kerajaan dan NGO perlu menjalankan kempen alam sekitar dengan lebih agresif dan teratur.

Dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima, muka surat 128

Bahan 3 – Grafik

TANAH

- Pelupusan e-waste ke tapak pelupusan sampah boleh memberi kesan kepada kualiti tanah.
- Logam berat seperti merkuri, plumbum dan kadmium yang terdapat dalam e-waste berpotensi untuk meresap ke dalam tanah dan menyebabkan pencemaran yang mengakibatkan ketidaksuburan tanah dan gangguan pertumbuhan tanaman.

UDARA

- Pembakaran e-waste seperti peti sejuk dan pendingin hawa berpotensi melepaskan gas klorofluorokarbon (CFCs) dan gas-gas lain yang mencemarkan kualiti udara.
- Kesannya, hal ini menyebabkan penipisan lapisan ozon dan pemanasan global.

(Sumber Internet)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1


Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Makanan tradisi merupakan satu faktor kepelbagaian dan warna-warni budaya yang terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia. Kuih warisan di Malaysia menjadi satu identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Kini, kuih warisan semakin hilang dalam generasi baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana Remaja pada hari ini tidak mengenali kuih warisan seperti kuih serabai, kuih gelang dan bunga pudak.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa orang Melayu sendiri tidak berbangga dengan makanan warisan. Dalam hal ini, bukanlah perkembangan dunia yang perlu dipersalahkan tetapi sikap masyarakat terhadap makanan tradisi dan jati diri yang lemah dalam diri anak-anak muda. Di samping itu, rakyat Malaysia tidak tahu cara-cara pembuatan kuih dan makanan tradisi yang terdapat dalam negara ini. Proses pembuatan yang rumit amat penting untuk menjadikan kuih warisan enak dan sedap dimakan. Oleh hal yang demikian, masyarakat Malaysia perlulah sedar tentang keunikan makanan tradisi Malaysia.

Kuih warisan Malaysia perlulah dikekalkan oleh generasi akan datang. Selain itu, setiap individu perlu mengurangkan penerimaan unsur luar dan menghargai unsur kebudayaan dalam negara sendiri. Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya bertindak dengan lebih proaktif untuk memastikan makanan tradisi diterapkan dalam kandungan pengajaran subjek Sains Rumah tangga di sekolah. Penerapan ini perlu bermula sejak sekolah rendah lagi. Usaha ini dilakukan dengan memanfaatkan penggunaan media sosial. Pihak kerajaan sewajarnya memperkenalkan kuih tradisional melalui laman web atau mempromosikan secara dalam talian. Oleh itu, sikap dan perspektif yang negatif perlu diperbaiki.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Kuih Tradisional Tempatan Diancam Kepupusan”
oleh Mudiana Mokhsin
Dewan Budaya, 10 Mei 2021

Bahan 2



Golongan muda pada hari ini sering didedahkan dengan makanan ala-ala Barat yang dianggap mewah daripada kuih warisan.

Sumber : Internet

Bahan 3



Ibu bapa perlu memperkenalkan kuih warisan kepada anak-anak sejak kecil.

Dijadikan sebagai hidangan semasa hari raya.

Sumber : Internet

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Penggunaan laman maya Internet dianggap sebagai suatu keperluan hampir setiap individu dan organisasi pada masa ini. Malangnya ada pihak yang menggunakan aplikasi tersebut untuk melakukan jenayah siber seperti ugutan, menyebarkan maklumat palsu dan melakukan jenayah. Jenayah siber biasanya melibatkan golongan wanita. Perkenalan di alam siber membungkakan cinta dalam masa yang singkat menyebabkan mangsa terus terjebak dalam cinta jarak jauh. Mangsa tidak ragu-ragu untuk berkorban wang ringgit. Tanpa disedari mereka telah mengalami kerugian besar. Keinginan sesetengah pihak untuk menjadi kaya melalui jalan pintas juga merupakan faktor peningkatan jenayah siber. Oleh itu, ada antara mereka sanggup melakukan penipuan dalam talian terhadap orang ramai tanpa belas kasihan.

Seterusnya, jenayah siber berlaku disebabkan pengguna tidak memasang sekuriti atau kata laluan dalam proses transaksi pembayaran secara dalam talian. Laman web yang tidak rasmi dalam proses perbankan dalam talian secara tidak langsung boleh mendedahkan kata laluan kepada penjenayah siber. Di samping itu, jenayah siber boleh terjadi disebabkan oleh desakan hidup yang serba kekurangan. Walaupun negara kita semakin maju ke hadapan, namun masih terdapat individu yang hidup dalam kesusahan. Kini, jenayah siber semakin berleluasa dan masalah ini perlu diatasi dengan segera. Cara terbaik untuk mengelakkan menjadi mangsa penipuan siber ialah tidak menjawab panggilan daripada nombor telefon yang tidak dikenali, melainkan nombor tersebut daripada senarai kenalan.

Pengguna juga perlu berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi dengan orang lain, misalnya tidak memberi maklumat seperti nombor akaun bank atau kata laluan perbankan *online* kepada pihak yang tidak dikenali. Sekiranya menerima panggilan daripada bank atau pihak penguat kuasa undang-undang yang membabitkan pengguna, catat segala maklumat berkenaan panggilan tersebut. Jenayah siber dapat dielakkan jika kita bertenang, tidak takut dan tidak panik. Oleh itu, jenayah siber perlu dibendung bermula dari akar umbi.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://punca-peningkatan-jenayah-siber/>
Februari 2022

"Kesedaran Jenayah Komersil Kesejahteraan Komuniti"






be SMART stay ALERT

MACAU SCAM

@ PHONE SCAM

PENYAMARAN TIPU PANGGILAN

Saspek akan menyamar sebagai ...

 PEGAWAI POLIS	 PEGAWAI MAHKAMAH
 PEGAWAI BANK	 SYARIKAT KURIER
 PEGAWAI TM	 PEGAWAI LHDN

TIPS & NASIHAT

- ⓞ Jangan layan panggilan telefon dari nombor yang tidak dikenali.
- ⓞ Putuskan panggilan dan semak dengan agensi atau syarikat berkenaan terlebih dahulu.
- ⓞ Jangan dedahkan maklumat perbankan (nombor kad ATM, username, password atau no. OTP) kepada mana-mana pihak.
- ⓞ Beritahu pasangan, keluarga atau rakan.
- ⓞ Pihak berkuasa tidak akan menjalankan siasatan melalui panggilan telefon / whatsapp.

CCID INFOLINE : 013-211 1222 CCID SCAM RESPONSE CENTER : 03-2610 1559 / 1599

<https://semakmule.rmp.gov.my/> JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL - JSJK PDRM

Sumber: Internet

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Memetik kata-kata George Santayana (1863-1952), "Mereka yang melupai sejarah pasti akan mengulangnya". Penulis amat tertarik dengan kata-kata tokoh falsafah dari Sepanyol ini kerana memberi kesedaran kepada penulis bahawa sejarah itu amat penting untuk difahami dan dihayati. Malangnya, sejarah negara kita sering dipandang enteng oleh sesetengah pihak bagaikan tiada nilai langsung di sisi mereka. Jadi, apakah usaha yang perlu dilakukan bagi menarik minat remaja mempelajari sejarah?


Kita sering melihat bahawa anak muda kurang berminat membaca buku terutama sekali buku yang berkaitan dengan sejarah. Oleh itu, kita perlu melakukan reformasi terhadap kandungan buku sejarah di negara kita dengan memperbanyak gambar tokoh dan tempat bersejarah. Buku itu pula perlu menggunakan tulisan lebih sesuai untuk menarik minat anak muda. Mempelajari sesuatu perkara tidak semestinya melalui pembacaan. Sekiranya anak muda malas untuk membaca, mereka boleh menonton filem-filem sejarah yang ditayangkan di kaca televisyen atau di media sosial. Antara filem yang berjaya dihasilkan oleh anak tempatan ialah filem Tanda Putera (2013), Leftenan Adnan (2000) dan filem karya agung P. Ramlee, Sarjan Hassan (1958). Melalui tontonan filem sejarah seperti ini, banyak maklumat dan fakta yang boleh kita peroleh dan memudahkan anak muda memahami inti pati yang hendak disampaikan dalam filem-filem ini.

Pendedahan khusus berkenaan kepentingan sejarah perlu diberi keutamaan kepada anak muda sejak dari kecil lagi melalui program-program Sambutan Bulan Kemerdekaan. Selain itu, ibu bapa juga boleh membawa anak-anak ke tempat bersejarah. Contoh tempat bersejarah yang boleh dilawati ialah Kota A' Famosa di Melaka. Ibu bapa boleh bercerita tentang peristiwa yang berlaku di tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh yang terlibat untuk menarik minat mereka mempelajari sejarah. Mahasiswa di universiti hendaklah mewujudkan persatuan atau kelab bagi menganjurkan program-program khas berkenaan kepentingan sejarah.

Usaha yang dilakukan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga kerana sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa. Mata pelajaran Sejarah berperanan sebagai alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara yang tercinta ini. Melalui sejarah juga, rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini. Oleh itu, mereka tidak akan bertindak sesuka hati dalam melakukan sesuatu perkara. Justeru, pengetahuan sejarah dapat melahirkan rasa bangga terhadap negara melalui pendedahan perjuangan tokoh-tokoh pejuang tanah air.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Malaysiakini, Oktober, 2020.





SOALAN UJIAN
SOALAN BERTUTUR

TEMA : SEJARAH DAN WARISAN

PANTUN WARISAN UNESCO

KEMENTERIAN PELANCONGAN
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

WARISAN
جائزۃ وراثت

**PERTANDINGAN LESTARI
BERPANTUN WARISAN**
01 - 30 OKTOBER 2021

**PERTANDINGAN TEKA DAN
CIPTA PANTUN WARISAN**

Penyertaan adalah **PERCUMA** dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia kecuali kakitangan Jabatan Warisan Negara dan keluarga. Peserta perlu meneka sepuluh (10) gambar butiran Warisan Kebangsaan yang telah dikaburkan atau dipotong sebahagian pandangan dan perlu memberikan jawapan yang paling tepat. Berdasarkan jawapan yang diperolehi, para peserta juga perlu menghasilkan 1 rangkap pantun 4 kerat bagi setiap butiran yang diteka.

Tempat Pertama: RM400
Tempat Kedua: RM300
Tempat Ketiga: RM200
Sagu Hati: RM100 x 6
Sijil dan Hadiah Ingan

Sila layari website Jabatan Warisan Negara untuk mendapatkan borang serta terma dan syarat penyertaan

www.heritage.gov.my
Kenali, Sayangi dan Lestari Warisan Kita

Pantun ialah warisan peradaban dan seni budaya dunia Melayu yang tinggi nilainya dan telah diamalkan sekian lama dalam masyarakat rumpun Melayu. **Pantun menggambarkan kecekayaan Melayu dalam tutur kata.** Oleh yang demikian, pantun telah diiktiraf sebagai Warisan Melayu tidak Ketara oleh UNESCO pada 17 Disember 2020 di Paris, Perancis. Pantun juga dikenali bukan sekadar bentuk dan diksinya, malah melalui pernyataan mesejnya. **Pantun bukan sekadar hiburan, malah terkandung dalamnya kisah, kiasan, pengajaran, dan adat resam yang menjadi undang-undang dan peraturan hidup orang-orang Melayu.** Kaedah pernyataan secara lisan yang tertampil pada kandungan, kritikan, sindiran dan jenaka yang mencakupi seluruh aspek kehidupan. Antara contoh pantun yang mengandungi nilai adab, budi dan unsur hiperbola ialah:

Burung serindit terbang melayang,
Berhenti hinggap di ranting mati;
Bukan ringgit dipandang orang,
Tetapi memandang bahasa dan budi.

Dipetik dan diubah suai daripada
Jendela DBP – Dewan Sastera
Dewan Bahasa dan Pustaka

SOALAN

1. Mengapakah pantun diiktiraf sebagai Warisan Melayu tidak Ketara oleh UNESCO?
2. Apakah kandungan yang terdapat dalam sesebuah pantun?
3. Jelaskan cara-cara untuk mempopularkan pantun dalam kalangan masyarakat hari ini.
4. 'Budaya pop yang diimport dari negara-negara luar telah menjejaskan kecintaan masyarakat kini terhadap budaya warisan negara kita.'

Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut? Berikan alasan anda.

TEMA : SEJARAH & WARISAN

KEPENTINGAN SEJARAH



Sejarah tidak pernah memadamkan nama Mat Kilau. Hanya kita sebagai warganegara tanah ini yang mungkin sebahagiannya lupa mengenai jasa dan sumbangan pahlawan negeri Pahang itu. Justeru, apabila kisah Mat Kilau difilemkan dan mendapat sambutan hangat, fenomena ini sebenarnya membayangkan sejarah amat dekat dengan diri kita. **Sejarah mampu membangunkan motivasi, memberi inspirasi dan mendidik diri untuk lebih memahami liku-liku perjuangan generasi lampau untuk hidup merdeka di negara sendiri.** Malangnya, minat terhadap sejarah tanah air dikatakan telah dibunuh sejak di bangku sekolah. **Konsep pembelajaran mata pelajaran Sejarah yang terlalu menjurus kepada penghafalan fakta semata-mata menjadi punca masalah ini berlaku.** Seyogialah semua pihak berganding bahu memastikan kesedaran sejarah dalam setiap warganegara terus subur dan mekar.

SOALAN

1. Apakah kepentingan sejarah?
2. Mengapakah golongan muda dikatakan semakin hilang minatnya terhadap sejarah tanah air?
3. Nyatakan seorang tokoh sejarah yang anda kagumi. Mengapa?
4. Pada pendapat anda apakah cara untuk memupuk minat generasi muda terhadap sejarah negara kita?

TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

DRON



Populariti robot terbang atau umumnya dipanggil dron semakin meningkat. Hal ini dikatakan demikian kerana **sekarang ini dron mudah diperolehi dari kedai biasa mahupun di kedai dalam talian dengan harga mampu milik**. Mengikut sejarah, dron telah digunakan seawal Perang Dunia Pertama sebagai sasaran bagi latihan senjata pertahanan udara. Pada masa ini, **dron dibangunkan sebagai peninjau, pengawasan dan penandaan sasaran semasa peperangan moden**. Dalam sektor pertanian, teknologi ini membolehkan **pemantauan udara terhadap tanaman dilakukan**. Sebagai contoh, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memperkenalkan pakej teknologi pengeluaran padi berprestasi tinggi menerusi pertanian menggunakan teknologi dron. Projek rintis dijalankan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara, Besut membabitkan 200 petani dengan kawasan tanaman seluas 200 hektar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Harga Teknologi'
Buku Teks Bahasa Melayu Ting. 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia

SOALAN

1. Mengapakah penggunaan dron semakin popular sekarang ini?
2. Apakah fungsi dan kegunaan dron pada masa ini?
3. Pada pendapat anda, apakah cara yang boleh dilakukan bagi mempopularkan lagi penggunaan dron dalam kalangan masyarakat?
4. Selain kebaikan-kebaikan yang dinyatakan, teknologi dron mempunyai kesan-kesan negatif. Ulaskan pernyataan tersebut.

TEMA : PERPADUAN

PERPADUAN TERAS KEHARMONIAN



Tugas paling mendesak bagi rakyat Malaysia kini tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan fahaman politik adalah memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh. Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata perkara itu hanya boleh dicapai jika **semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh menjejaskan keharmonian antara kaum dan agama**. Berikutan itu, penting bagi **semua rakyat untuk terus memperjuangkan usaha membentuk Bangsa Malaysia yang bersatu padu**. Sayangnya, **masih terdapat segelintir rakyat Malaysia yang sering memprovokasi masyarakat dengan isu perkauman dan agama** sehingga perpaduan yang utuh kelihatan goyah. Hal ini diburukkan dengan **penyebaran berita-berita palsu yang menggugat keharmonian negara lewat media sosial** seperti Twitter, Tiktok dan Facebook. Sempena sambutan hari kebangsaan tidak lama lagi, seyogialah seluruh warganegara memperteguh semangat perpaduan dalam diri agar negara kekal harmoni.

Dipetik dan diubah suai daripada
Perpaduan Kaum di Malaysia Perlu Terus Utuh,
Berita Harian, 9 September 2021

SOALAN

1. Apakah cara yang boleh dilakukan bagi memastikan perpaduan kaum di negara kita terus kekal utuh?
2. Berikan punca perpaduan rakyat menjadi goyah.
3. Berikan implikasi pertelingkahan kaum dalam kalangan rakyat Malaysia.
4. Perpaduan ialah kunci kemakmuran negara. Ulaskan.

TEMA : KERJAYA

KERJAYA DALAM BIDANG TEKNIKAL



Minat generasi baharu perlu dipupuk untuk menceburi bidang teknikal terutamanya kejuruteraan yang sering dikaitkan dengan istilah kotor, bahaya dan sukar atau 3D. Hal ini dikatakan demikian kerana **kerjaya dalam bidang tersebut mempunyai pasaran kerja lebih cerah dengan memberi pulangan besar**. Selain itu, **permintaan terhadap pekerjaan berkemahiran tinggi yang dipunyai oleh graduan bidang teknikal membantu mengurangkan masalah pengangguran siswazah**. Justeru, **kerajaan telah memperkukuh kualiti lulusan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)** dalam usaha untuk memajukan profesion teknikal negara. Di peringkat lebih awal, **pelajar sekolah dan belia akan didedahkan dengan bidang TVET untuk dijadikan sebagai pilihan kerjaya masa depan**. Usaha ini bukan sahaja demi memenuhi keperluan masa depan perindustrian negara, tetapi untuk melahirkan golongan profesion teknikal yang berdaya maju.

SOALAN

1. Mengapakah generasi muda perlu memilih kerjaya dalam bidang teknikal?
2. Apakah usaha-usaha yang dilakukan kerajaan bagi memastikan kerjaya dalam bidang teknikal menjadi pilihan pada masa depan?
3. Apakah kerjaya pilihan anda pada masa depan?
4. Walaupun terdapat ramai remaja yang semakin berminat dalam bidang keusahawanan, namun majoritinya masih berharap pada kerja makan gaji. Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku?

UJIAN LISAN : BERKUMPULAN

TEMA: SAINS , TEKNOLOGI DAN INOVASI

Populariti dron semakin meningkat. Hal ini kerana dron mudah diperolehi di kedai biasa mahupun di kedai dalam talian dengan harga mampu milik. Penggunaan dron menjadi kegilaan dalam kalangan remaja yang kononnya mahu mengikut trend semasa.

Bincangkan.

UJIAN LISAN : BERKUMPULAN

TEMA : KERJAYA

Prinsip untuk mencapai kejayaan dalam bidang usahawanan ialah para usahawan haruslah sentiasa mengamalkan nilai kejujuran dan menitikberatkan mutu barangan yang dihasilkan.

Jelaskan faktor-faktor kejayaan seseorang usahawan di negara kita.

UJIAN LISAN : BERKUMPULAN

TEMA : KERJAYA

Setiap individu mempunyai kerjaya yang diimpikan untuk menjamin masa depan mereka.
Bincangkan.

Sekian,
terima kasih.

MODUL PACE OFF BAHASA MELAYU

SKEMA RUMUSAN

SKEMA JAWAPAN RUMUSAN 1

TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **langkah-langkah** mengurus sisa elektronik dan **kesan-kesan** buangan terhadap alam sekitar.

Bahan 1 – Petikan

Fokus 1 (Langkah-langkah)

1. kaedah kitar semula adalah antara cara terbaik untuk mengurus sisa elektronik
2. menerusi kempen mobilewaste.mcmc.gov.my yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama pelbagai syarikat telekomunikasi
3. masyarakat mengamalkan konsep ‘kekayaan daripada sisa’

Fokus 2 (kesan-kesan)

1. menggalakkan penghasilan bahan toksik
2. bahan toksik yang berada dalam ekosistem berisiko untuk masuk ke dalam sistem pengairan
3. mencemarkan air sungai
4. bahan toksik akan memberi kesan kepada hasil pertanian

Bahan 2 – Grafik

Fokus 1 (Langkah-langkah)

1. Penguatkuasaan undang-undang haruslah telus kepada mana-mana pihak yang melupuskan sisa elektronik secara haram
2. Masyarakat perlu menggunakan produk sedia ada dan membaiki barang yang rosak
3. Pihak kerajaan dan NGO perlu menjalankan kempen alam sekitar dengan lebih agresif dan teratur

Bahan 3 – Grafik

Fokus 2 (kesan-kesan)

1. Memberi kesan kepada kualiti tanah
2. Menyebabkan penipisan lapisan ozon dan pemanasan global

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak haruslah memainkan peranan yang penting dalam menguruskan sisa elektronik agar masyarakat dapat menjalani kehidupan yang selamat dan sihat.

Kesimpulannya, pengurusan sisa elektronik perlulah dimantapkan agar masyarakat dapat menjalani kehidupan yang selamat dan sihat.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

SKEMA JAWAPAN RUMUSAN 2

Pendahuluan

Rumusan membincangkan punca-punca kuih warisan dilupakan dan langkah-langkah mengekalkan kuih warisan dalam generasi baharu.

Fokus 1

Punca-punca kuih warisan dilupakan

1. Remaja pada hari ini tidak mengenali kuih warisan
2. Golongan muda pada hari ini sering didedahkan dengan makanan ala-ala Barat
3. Orang Melayu sendiri tidak berbangga dengan makanan warisan
4. Cara pembuatan yang rumit

Fokus 2

Langkah-langkah mengekalkan kuih warisan dalam generasi baharu

1. Setiap individu perlu mengurangkan penerimaan unsur luar dan menghargai unsur kebudayaan dalam negara sendiri
2. Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya bertindak dengan lebih tegas dan proaktif untuk memastikan makanan tradisi diterapkan dalam kandungan pengajaran di sekolah.
3. Pihak yang berminat sewajarnya memperkenalkan kuih tradisional melalui laman web atau mempromosikan secara dalam talian
4. Kuih warisan diperkenalkan kepada generasi kini dengan pelbagai cara

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah berganding bahu untuk mengekalkan kuih warisan agar generasi baharu dapat menikmatinya bersama-sama.

SKEMA JAWAPAN RUMUSAN 3

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan punca-punca jenayah siber dan langkah-langkah menanganinya.

Bahan 1

Fokus 1 (punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor)

1. Perkenalan di alam siber membungakan cinta dalam masa yang singkat
2. Keinginan sesetengah pihak untuk menjadi kaya melalui jalan pintas
3. pengguna tidak memasang sekuriti atau kata laluan dalam proses transaksi pembayaran secara dalam talian
4. desakan hidup yang serba kekurangan

Fokus 2 (langkah-langkah/cara-cara)

1. tidak menjawab panggilan daripada nombor telefon yang tidak dikenali
2. perlu berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi dengan orang lain
3. catat segala maklumat berkenaan panggilan tersebut
4. bertenang, tidak takut dan tidak panik

Bahan 2

Fokus 2 (langkah-langkah/cara-cara)

1. putuskan panggilan dan semak dengan agensi atau syarikat berkenaan terlebih dahulu
2. jangan dedahkan maklumat perbankan
3. memberitahu pasangan, keluarga atau rakan

Penutup

Kesimpulannya, setiap individu perlu sentiasa berwaspada dengan jenayah siber agar tidak mengalami pelbagai kesan negatif.

Kesimpulannya, jenayah siber perlu dibanteras oleh setiap individu supaya pengguna perkhidmatan ini tidak mengalami pelbagai kesan negatif.

SKEMA JAWAPAN RUMUSAN 4

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **usaha-usaha memupuk minat remaja mempelajari sejarah dan kepentingan generasi muda mempelajari sejarah.**

Bahan 1 – Petikan

Fokus 1 (usaha-usaha)

1. kita perlu melakukan reformasi terhadap kandungan buku sejarah di negara kita dengan memperbanyak gambar tokoh dan tempat bersejarah
2. buku itu pula perlu menggunakan tulisan lebih sesuai
3. mereka boleh menonton filem-filem sejarah yang ditayangkan di kaca televisyen atau di media sosial
4. pendedahan khusus berkenaan kepentingan sejarah perlu diberi keutamaan kepada anak muda sejak kecil lagi melalui program-program Sambutan Bulan Kemerdekaan
5. ibu bapa perlu membawa anak-anak ke tempat bersejarah
6. ibu bapa boleh menceritakan tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh yang terlibat supaya menarik minat mereka mempelajari sejarah
7. mahasiswa universiti perlu mewujudkan persatuan atau kelab untuk menganjurkan program-program khas berkenaan dengan kepentingan sejarah

Fokus 2 (kepentingan)

1. alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara yang tercinta ini
2. rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini
3. pengetahuan sejarah dapat melahirkan rasa bangga tadap negara melalui pendedahan perjuangan tokoh-tokoh pejuang tanah air

Bahan 2 – Grafik

Fokus 2 (kepentingan)

1. memupuk semangat patriotik
2. menyemai perpaduan antara kaum
3. mempelajari kesilapan masa dahulu
4. menghargai warisan dan budaya negara
5. memelihara kedaulatan negara
6. memahami landskap politik negara

Penutup

Kesimpulannya, generasi muda/semua pihak perlu mempelajari sejarah agar negara dapat melahirkan generasi bertamadun.

Kesimpulannya, sejarah haruslah dipelajari oleh generasi muda demi memelihara kedaulatan negara.